



## SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

### BORANG PERMOHONAN MENDUDUKI PEPERIKSAAN RADIO AMATUR (RAE)

#### MAKLUMAT PEMOHON

NO. KAD PENGENALAN LAMA / PASPORT / KAD KUASA	TARIKH LAHIR (HH-BB-TTTT)	UMUR
<input type="text"/>	<input type="text"/> - <input type="text"/> - <input type="text"/>	<input type="text"/> TAHUN
NOMBOR KAD PENGENALAN BARU	BANGSA	KERAKYATAN
<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>
NAMA PENUH PEMOHON		
<input type="text"/>		
ALAMAT ( <i>Sila isikan alamat yang lengkap bagi tujuan penghantaran Surat Jawapan dan Keputusan Peperiksaan kelak</i> )		
<input type="text"/>		
<input type="text"/>		
<input type="text"/>		
POSKOD	BANDAR	NEGERI
<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>
NOMBOR TELEFON RUMAH	NOMBOR TELEFON PEJABAT	NOMBOR TELEFON BIMBIT
<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>
PEKERJAAN	Alamat E-Mail (jika ada)	
<input type="text"/>	<input type="text"/>	

#### MAKLUMAT PERMOHONAN *Tandakan (X) dikotak bersesuaian*

Adakah anda Orang Kurang Upaya?  Ya  Tidak

Jika "Ya", sila nyatakan bentuk kecacatan yang anda alami.

Tarikh Peperiksaan :  HARI -  BULAN -  TAHUN

**PILIHAN TEMPAT PEPERIKSAAN (*Pilih satu sahaja*)**

<input type="checkbox"/> Wilayah TENGAH	<input type="checkbox"/> Wilayah SELATAN
<input type="checkbox"/> Wilayah TIMUR	<input type="checkbox"/> Wilayah SABAH
<input type="checkbox"/> Wilayah UTARA	<input type="checkbox"/> Wilayah SARAWAK

#### PENGAKUAN PEMOHON

Saya \_\_\_\_\_ mengaku bahawa segala maklumat yang saya berikan adalah benar, betul dan lengkap. Saya juga mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami segala syarat-syarat permohonan seperti tertera pada mukasurat 2 borang permohonan ini dan bersetuju untuk mematuhi segala syarat-syaratnya.

.....  
Tarikh

.....  
Tanda Tangan Pemohon

#### UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

<b>SEMAKAN (Dokumen yang disertakan)</b>	<b>STATUS PERMOHONAN</b>	<b>No. Indek</b>
Salinan KP / Pasport / Kad Kuasa : <input type="checkbox"/> Ada <input type="checkbox"/> Tiada	<input type="checkbox"/> Lulus	<input type="text"/>
Mod Bayaran : <input type="checkbox"/> Wang Pos Malaysia (WPM) <input type="checkbox"/> Deraf Bank (DB)	<input type="checkbox"/> Gagal	<b>Pusat Peperiksaan</b>
<input type="checkbox"/> Kiriman Wang (KW)	<input type="checkbox"/> Tidak Lengkap	<input type="text"/>
No. Rujukan Bayaran	Disahkan oleh : _____	
<input type="text"/>	Tarikh : _____	
<input type="text"/>		

## SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

### A. KELAYAKAN PEMOHON

- i. Pemohon mestilah warganegara Malaysia, pemastautin tetap atau warganegara asing yang kerajaan di negara asalnya turut sama memberi keistimewaan yang setara kepada warganegara Malaysia yang berada di negaranya.
- ii. Pemohon mestilah berumur 14 tahun ke atas pada tarikh peperiksaan tersebut dijalankan.
- iii. Pemohon mestilah sedar dan bersetuju untuk mematuhi sebarang prosedur, arahan dan syarat-syarat permohonan yang dikenakan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

### B. BAYARAN YURAN PEPERIKSAAN

- i. Bayaran Yuran Peperiksaan termasuk yuran pemrosesan ialah **RM 50.00** sahaja.
- ii. Bayaran hendaklah dijelaskan hanya melalui kaedah pembayaran yang berikut:-
  - (a) KIRIMAN WANG / WANG POS MALAYSIA; atau
  - (b) DERAJAT BANK yang dikeluarkan oleh Bank tempatan
 dan dibayar kepada "**SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA**" sahaja. *(Sila tulis dengan selengkapnya dan JANGAN gunakan singkatan seperti SKMM)*

**PERHATIAN:** Sila sertakan bayaran secara berasingan bagi setiap permohonan yang dibuat. Pembayaran secara berkumpulan atau menggunakan mod bayaran selain dari ii(a) & ii(b) di atas akan ditolak.

- iii. Bayaran hendaklah disertakan bersama borang permohonan yang telah lengkap diisi dan mestilah sampai ke pejabat SKMM sebelum tarikh tutup permohonan ini.
- iv. Bayaran yuran bagi permohonan yang diluluskan, **TIDAK** akan dikembalikan atas sebarang sebab sekalipun, termasuklah kegagalan pemohon menduduki peperiksaan tersebut pada masa yang telah ditetapkan atau atas apa juga sebab.
- v. Hanya bayaran bagi permohonan yang ditolak sahaja akan dikembalikan.

### C. PENYERAHAN BORANG

- i. Borang yang lengkap diisi beserta bayarannya hendaklah diserahkan ke **pejabat wilayah SKMM yang sepadan menurut pusat peperiksaan yang telah dipilih** sebelum tarikh tutup permohonannya.
- ii. Alamat lengkap pejabat-pejabat wilayah SKMM ada disertakan dalam notis yang disiarkan diakhbar-akhbar tempatan dan laman web rasmi SKMM di [www.skmm.gov.my](http://www.skmm.gov.my)

### D. DOKUMEN YANG PERLU DISERTAKAN

Setiap permohonan mestilah disertakan dengan satu salinan dokumen pengenalan diri yang telah diperakui benar oleh orang yang berkelayakkan. Dokumen yang boleh digunakan adalah seperti **Kad Pengenalan, Paspot Antarabangsa Malaysia atau Kad Kuasa bagi anggota Polis atau Tentera Malaysia**. Permohonan yang diterima tanpa disertakan dengan salinan dokumen pengenalan diri tersebut akan dianggap tidak lengkap dan akan ditolak.

### E. SYARAT-SYARAT LAIN

- i. Borang permohonan beserta bayaran yuran peperiksaan yang diterima selepas tarikh tutup permohonan akan dianggap permohonan yang **GAGAL** dengan sendirinya dan akan ditolak.
- ii. Bukti **POS** bukanlah bukti penerimaan permohonan atau bayaran dan sebarang rayuan berkaitan tidak akan dilayan.
- iii. SKMM berhak sepenuhnya untuk menentukan Tarikh, Masa dan Tempat peperiksaan bagi seseorang calon dan sebarang permohonan untuk pertukaran jadual atau pusat peperiksaan tidak akan dilayan.
- iv. Jumlah calon bagi peperiksaan ini adalah terhad dan keutamaan diberikan kepada permohonan awal yang diterima.
- v. Calon yang berjaya dikehendaki untuk menghadiri diri di tempat peperiksaan yang telah ditetapkan tempat dan masanya, selewat-lewatnya **30 minit** sebelum peperiksaan bermula.
- vi. Calon yang lewat menghadiri diri di tempat peperiksaan, atas apa juga sebab sekalipun, akan dianggap **Tidak Hadir** dan tidak akan dibenarkan menduduki peperiksaan tersebut.
- vii. Suruhanjaya mempunyai hak mutlak untuk menolak sebarang permohonan tanpa memberi sebarang sebab.
- viii. Suruhanjaya juga mempunyai hak mutlak untuk meminda sebarang Peraturan, Syarat dan Prosedur bagi permohonan ini, yang dirasakan perlu dari masa ke semasa tanpa sebarang notis terlebih dahulu.

### F. PEMBERITAHUAN

- i. Setiap calon yang layak akan diberitahu melalui Pos atau e-mail (sekiranya ada) tarikh, masa dan tempat peperiksaan untuknya selewat-lewatnya 7 hari sebelum tarikh sesuatu peperiksaan dijadualkan.
- ii. Suruhanjaya berhak untuk meminda tarikh, masa dan tempat atau membatalkan sesuatu peperiksaan yang telah dijadualkan sekiranya dirasakan perlu di atas budi bicara sendiri.
- iii. Sebarang kesulitan, kerugian dan sebagainya yang dihadapi oleh pemohon adalah di atas tanggungan pemohon itu sendiri dan Suruhanjaya tidak akan bertanggungjawab ke atasnya.

#### PERHATIAN

*Untuk sebarang pertanyaan berhubung peperiksaan ini, sila hubungi Cik Ida Khairuniah Idris  
ditalian +03-8688 8265 atau Fax: +03-8688 1005*